



## PROSIDING MAHKAMAH BAGI KANAK-KANAK

➔ Perkataan "dapatkan salah" / "sabitkan" / "hukuman" tidak boleh digunakan berhubung dengan seorang kanak-kanak yang dibicarakan di hadapan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak.

➔ Prosiding terhadap seorang kanak-kanak di hadapan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dikendalikan secara tertutup dengan kehadiran Majistret, dua orang Penasihat, kanak-kanak itu, ibu dan bapa kanak-kanak atau penjaga kanak-kanak itu, Pegawai Kebajikan Masyarakat, Pegawai Pendakwa, peguam kanak-kanak itu (jika ada), saksi-saksi dan mana-mana pihak yang dibenarkan oleh Mahkamah sahaja.

➔ Laporan dan penyiaran media massa tentang pendedahan identiti kanak-kanak adalah disekat dan dilarang kecuali:  
a) Jika Mahkamah bagi kanak-kanak itu berpuas hati bahawa adalah demi kepentingan keadilan untuk berbuat demikian; dan

b) Hendaklah, dalam sesuatu permohonan oleh atau dengan kebenaran "Pelindung",

"Pelindung" erinya –

i. Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat;

ii. Timbalan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat;

iii. Pengarah Bahagian bagi Kebajikan Masyarakat;

iv. Jabatan Kebajikan Masyarakat;

v. Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri bagi setiap negeri; dan

vi. Mana-mana Pegawai Kebajikan Masyarakat yang dilantik.


➔ Mana-mana perlanggaran terhadap sekatan dan larangan penyiaran ini jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

➔ Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak boleh dibuat di Mahkamah Tinggi.



[www.kehakiman.gov.my](http://www.kehakiman.gov.my)

## MAHKAMAH BAGI KANAK - KANAK



Untuk maklumat lanjut sila hubungi  
Bahagian Komunikasi Korporat dan Hubungan Antarabangsa,  
Mahkamah Persekutuan Malaysia, Acor 2, Perini 3, Istana Kehakiman,  
62506 Putrajaya, Malaysia.  
Tel: 603-8880 3500 Faks: 603 - 8880 4017  
[info@kehakiman.gov.my](mailto:info@kehakiman.gov.my)  
Pemerhati ini boleh dihantar terus dari laman sesawang [www.kehakiman.gov.my](http://www.kehakiman.gov.my)

➔ Mahkamah Bagi Kanak-Kanak ditubuhkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 untuk:

- a) Mendengar, memutuskan atau melupuskan kes jenayah melibatkan pesalah kanak-kanak;
- b) Mendengar dan memutuskan kes-kes bagi kanak-kanak yang memerlukan perlindungan atau apa-apa bidang kuasa lain yang diberikan kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 atau oleh mana-mana undang-undang bertulis yang lain;

c) Bagi kes-kes jenayah, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan semua kesalahan berhubung dengan kanak-kanak kecuali kesalahan-kesalahan yang melibatkan hukuman mati.

### **TAFSIRAN BAGI KANAK-KANAK DI BAWAH AKTA KANAK-KANAK 2001**

➔ "kanak-kanak":

- a) Bermaksud seseorang yang berusia di bawah umur lapan belas tahun; dan
- b) Berhubung dengan prosiding jenayah, erfinya seseorang yang sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam seksyen 82 Kanun Keseksaa [Akta 574].

### **KOMPOSISI MAHKAMAH BAGI KANAK-KANAK**

➔ Mahkamah Bagi Kanak-Kanak hendaklah terdiri daripada seorang Majistret dan dibantu oleh dua orang Penasihat.

➔ Penasihat adalah dilantik oleh Menteri daripada satu panel orang yang bermastautin di negeri Mahkamah Bagi Kanak-Kanak bersidang dan salah seorang daripada dua Penasihat yang dilantik hendaklah seorang wanita.

### **FUNGSI PENASIHAT**

➔ Fungsi-fungsi Penasihat ialah:

- a) Untuk memaklumkan dan menasihati Mahkamah Bagi Kanak-Kanak mengenai apa-apa pertimbangan yang menyentuh perintah yang dibuat berdasarkan suatu dapatan melakukan perbuatan tersebut atau melakukan lain yang berkaitan terhadap mana-mana kanak-kanak yang dibawa ke hadapan Mahkamah itu dan
- b) Jika perlu, untuk menasihati ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu.